

## FAQ - AGIHAN KEUNTUNGAN TAHUN 2019

---

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>1.</b>	Berapakah kadar agihan keuntungan bagi tahun 2019 ?	Kadar agihan keuntungan selepas zakat bagi tahun kewangan 2019 adalah 3.05%, iaitu peningkatan ketara berbanding 1.25% bagi tahun kewangan 2018.
<b>2.</b>	Berapakah jumlah keseluruhan agihan keuntungan kepada pendeposit bagi tahun 2019 ?	<p>Agihan Keuntungan selepas zakat kepada pendeposit bagi tahun kewangan 2019 adalah berjumlah RM2.1 bilion, iaitu RM1.2 bilion lebih tinggi berbanding RM0.9 bilion jumlah pemberian hibah bagi tahun kewangan 2018. Agihan bagi tahun 2019 akan memberi manfaat kepada hampir 9 juta pendeposit.</p> <p>Agihan keuntungan kepada pendeposit adalah berdasarkan prestasi dan kemampuan kewangan TH tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995.</p>
<b>3.</b>	Adakah pendeposit masih perlu membayar zakat ke atas wang simpanan di <b>TH</b> ?	Agihan keuntungan kepada pendeposit adalah selepas mengambilkira zakat. <b>TH</b> membayar zakat bagi pihak pendeposit dan oleh yang demikian pendeposit <b>TH</b> tidak perlu lagi membayar zakat ke atas wang simpanan serta agihan keuntungan yang diterima selaras dengan keputusan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-17 pada 3 Mei 1979.

**FAQ - AGIHAN KEUNTUNGAN TAHUN 2019**

---

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
4.	Bagaimanakah cara pengiraan agihan keuntungan tahun 2019 ?	<p>Cara pengiraan agihan keuntungan bagi tahun 2019 adalah dengan mengambil kira purata baki simpanan terendah setiap bulan sepanjang tahun 2019 dan didarabkan dengan kadar yang ditetapkan, iaitu 3.05% bagi tahun 2019. Pengiraan terperinci adalah seperti berikut:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin-top: 10px;"> <p style="margin: 0;">Purata Baki Simpanan Terendah Bulanan x 3.05% =</p> <p style="margin: 0;">(Baki simpanan terendah setiap bulan dari Januari– Disember 2019 / Bilangan Bulan) x 3.05%</p> </div>
5.	Siapakah yang layak menerima agihan keuntungan?	Semua pendeposit yang mengekalkan akaun simpanan yang berstatus aktif pada 31 Disember 2019.
6.	Siapakah yang tidak layak menerima agihan keuntungan ?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendeposit dengan akaun tidak aktif dalam tahun semasa kerana status dorman;</li> <li>• Pendeposit dengan akaun yang ditutup dalam tahun semasa; dan</li> <li>• Pendeposit dengan akaun yang dibuka dalam bulan Disember (tidak cukup satu bulan penuh).</li> </ul> <p>Akaun Pendeposit yang tidak mempunyai sebarang transaksi melebihi 7 tahun akan diklasifikasikan sebagai Akaun Tidak Aktif, selaras dengan Peraturan-Peraturan dan Akta Tabung Haji (1995).</p> <p>Terma dan syarat di bawah kontrak Wakalah (Akad Wakalah) telah menyatakan bahawa akaun adalah ditutup selepas semua baki simpanan dikeluarkan daripada akaun dan pendeposit hanya berhak kepada jumlah yang telah dikreditkan ke dalam akaun pada masa akaun tersebut ditutup.</p>

---

## FAQ - AGIHAN KEUNTUNGAN TAHUN 2019

---

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>7.</b>	Bagaimanakah agihan keuntungan dibayar kepada pendeposit ?	<p>Agihan keuntungan akan dikredit terus ke dalam akaun pendeposit yang masih aktif.</p> <p>Bagi akaun-akaun simpanan yang telah ditutup dalam tahun 2020 (sebelum 16 Mac 2020), pendeposit atau waris pusaka perlu hadir ke pejabat-pejabat cawangan TH yang berdekatan.</p>
<b>8.</b>	Bilakah agihan keuntungan tahun 2019 boleh disemak oleh pendeposit ?	<p>Agihan Keuntungan boleh disemak mulai 16 Mac 2020.</p> <p>Baki simpanan terkini boleh disemak di :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• kaunter-kaunter cawangan <b>TH</b>, Bank Islam dan Bank Rakyat</li><li>• laman sesawang <a href="http://www.thijari.com.my">www.thijari.com.my</a></li><li>• portal internet bank-bank rakan strategik <b>TH</b>, iaitu Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank</li><li>• ATM bank-bank rakan strategik <b>TH</b>, iaitu Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB.</li></ul>
<b>9.</b>	Bagaimanakan pendeposit boleh membuat pengeluaran wang simpanan di <b>TH</b> ?	Pendeposit boleh membuat pengeluaran wang simpanan <b>TH</b> di kaunter-kaunter cawangan <b>TH</b> , Bank Islam dan Bank Rakyat Malaysia. Pengeluaran bukan tunai melebihi RM10,000 pula hanya boleh dilakukan di Ibu Pejabat <b>TH</b> dan di cawangan-cawangan <b>TH</b> melalui pindahan telegrafik.

**FAQ - AGIHAN KEUNTUNGAN TAHUN 2019**

---

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
<b>10.</b>	Apakah perbezaan antara Hibah yang diisyihar pada tahun-tahun sebelum ini dengan agihan keuntungan yang diisyihar tahun 2019 ?	<p>Hibah merupakan hadiah yang tidak disyaratkan, manakala agihan keuntungan merujuk kepada agihan sebahagian atau keseluruhan keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemilik dana.</p> <p>Simpanan di <b>TH</b> kini di bawah kontrak simpanan <i>Wakalah</i> yang menggantikan kontrak simpanan <i>Wadiyah Yad Dhamanah</i> yang digunakan sebelum ini. Menerusi kontrak baharu ini, <b>TH</b> adalah wakil untuk menguruskan dana pendeposit bagi tujuan aktiviti pelaburan dan pengurusan haji di mana keuntungan daripada pelaburan simpanan pendeposit akan diagihkan kepada pendeposit setelah mengambil kira kos haji, zakat dan kos pengurusan.</p> <p>Manakala, di bawah kontrak simpanan <i>Wadiyah Yad Dhamanah</i> sebelum ini, <b>TH</b> sebagai pemegang amanah tiada obligasi tetapi boleh atas budi bicara memberi Hibah (hadiah) kepada pendepositnya.</p>
<b>11.</b>	Adakah Hibah Haji diberi bagi tahun 2019 seperti tahun sebelum 2018 ?	Tidak. Berdasarkan keperluan kesamarataan di bawah kontrak <i>Wakalah</i> , agihan keuntungan diberi kepada semua pendeposit tanpa mengira mereka telah menunaikan haji atau pun belum. Maka tiada hibah khas haji yang diberikan.
<b>12.</b>	Apakah kelebihan kepada pendeposit untuk membuat simpanan di <b>TH</b> selain daripada simpanan ke arah menunaikan haji (terutama bagi	Agihan keuntungan yang diisyihar <b>TH</b> adalah lebihan keuntungan pelaburan setelah mengambil kira perbelanjaan dan bantuan kos haji, bayaran zakat dan kos pengurusan. Oleh yang demikian, pendeposit <b>TH</b> bukan sahaja mendapat manfaat pulangan keuntungan ke atas simpanan mereka, malah turut

**FAQ - AGIHAN KEUNTUNGAN TAHUN 2019**

---

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	<p>pendeposit yang telah menuaikan haji) berbanding dana/institusi lain?</p>	<p>menyumbang dalam membantu jemaah haji Malaysia menuaikan rukun Islam kelima dan golongan asnaf dalam menjaga kebajikan mereka.</p> <p>Di samping itu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Simpanan dijamin 100% oleh Kerajaan Malaysia.</li> <li>• Simpanan dan pelaburan adalah patuh Syariah.</li> <li>• Agihan keuntungan dikecualikan daripada cukai.</li> </ul>
13.	<p>Mengapa agihan keuntungan tahun 2019 lebih tinggi berbanding Hibah tahun 2018 ?</p>	<p>Agihan keuntungan yang lebih baik ini didokong oleh prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik dan dipacu oleh strategi pelaburan yang mampan serta langkah pengurusan kos secara berhemah.</p> <p>Bagi tahun kewangan 2019, <b>TH</b> berjaya menjana pendapatan pelaburan berjumlah RM3.3 bilion. Secara keseluruhan, pendapatan pelaburan yang dijana <b>TH</b> adalah lebih stabil di mana pelaburan aset pendapatan tetap menjana 58% pendapatan atau sebanyak RM1.9 bilion manakala pelaburan hartanah, ekuiti dan instrumen pasaran wang masing-masing menyumbang RM0.5 billion (15%), RM0.5 billion (15%) dan RM0.4 bilion (12%). Dengan pengurusan kos yang berhemah. <b>TH</b> telah berjaya mencatat keuntungan selepas zakat bagi tahun kewangan 2019 berjumlah RM1.9 bilion, iaitu peningkatan 19% atau RM0.3 bilion berbanding RM1.6 bilion bagi tahun kewangan lalu.</p>

**FAQ - AGIHAN KEUNTUNGAN TAHUN 2019**

---

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		<p>Di samping itu, kedudukan kewangan <b>TH</b> yang lebih kukuh dengan jumlah aset melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM2.9 bilion (sebelum agihan keuntungan kepada pendeposit) membolehkan agihan keuntungan yang lebih tinggi bagi tahun kewangan 2019.</p>
14.	<p>Bagaimana perbandingan kadar agihan keuntungan <b>TH</b> tahun 2019 dengan dana/institusi lain?</p>	<p>Strategi pelaburan, tahap risiko dan tahap kecairan akan mempengaruhi kadar pulangan yang diperolehi oleh dana yang diurus oleh institusi pelaburan. Institusi pelaburan yang mempunyai visi dan misi yang berlainan akan mempunyai strategi pelaburan, tahap risiko dan tahap kecairan yang berlainan juga.</p> <p>Akaun yang dibuka oleh pendeposit di <b>TH</b> adalah merupakan akaun simpanan dan memiliki ciri-ciri akaun simpanan seperti ditawarkan oleh institusi perbankan Islam lain, antaranya seperti tiada had kekerapan dan amaun bagi transaksi simpanan atau pengeluaran. Para pendeposit tidak dikenakan sekatan, caj atau tertakluk kepada turun naik harga unit apabila membuat simpanan atau pengeluaran. Jenis pelaburan dan tahap risiko yang diambil juga berbeza.</p> <p>Oleh yang demikian, adalah wajar kadar agihan keuntungan <b>TH</b> dibandingkan dengan kadar ditawarkan oleh deposit simpanan perbankan Islam lain. Sumber daripada statistik Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa agihan keuntungan <b>TH</b> pada kadar 3.05% setahun berada di antara kadar pulangan purata Deposit Simpanan Perbankan Islam 12 bulan pada kadar 0.74% setahun dan Akaun Pelaburan Perbankan Islam 12 bulan pada kadar 3.65% setahun sebelum zakat. Di samping itu, deposit simpanan Perbankan Islam juga dijamin oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dengan</p>

---

## FAQ - AGIHAN KEUNTUNGAN TAHUN 2019

---

<b>BIL</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		perlindungan maksima sebanyak RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli.
<b>15.</b>	Adakah kadar agihan keuntungan akan berubah mengikut keuntungan <b>TH</b> pada tahun-tahun berikutnya?	Agihan keuntungan kepada pendeposit adalah berdasarkan prestasi dan kemampuan kewangan <b>TH</b> tahun semasa dan tertakluk kepada pematuhan kehendak Akta Tabung Haji 1995.

## FAQ - TH 2019 PROFIT DISTRIBUTION

---

NO.	QUESTION	ANSWER
1.	What is the profit distribution rate for 2019?	The profit distribution after zakat for the financial year 2019 is 3.05%, which is a significant increase from 1.25% for the financial year 2018.
2.	What is the total profit distribution to depositors for 2019?	<p>Distribution of Profit after zakat to depositors for the financial year 2019 is RM2.1 billion, which is RM1.2 billion higher than the RM0.9 billion hibah amount for financial year 2018. The distribution for 2019 will benefit almost 9 million depositors.</p> <p>Distribution of profits to depositors is based on <b>TH</b> current financial ability and performance and is subject to compliance to Tabung Haji Act 1995 requirements.</p>
3.	Do depositors still have to pay zakat for their savings in TH?	The distribution of profits to the depositor is after taking into account zakat payments. <b>TH</b> is paying the zakat on behalf of the depositors and thus <b>TH</b> depositors will no longer have to pay zakat on the savings and profit distribution received in accordance with the decision made in the 17th National Fatwa Committee on Islamic Religious Affairs Malaysia on May 3, 1979.

## FAQ - TH 2019 PROFIT DISTRIBUTION

---

NO.	QUESTION	ANSWER
4.	How is the profit distribution for 2019 calculated?	<p>The method of calculating profit distribution for 2019 is to take into account the lowest average monthly savings balance throughout 2019 and multiply by a fixed rate of 3.05% for 2019. The detailed calculation is as follows:</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; width: fit-content; margin-left: auto; margin-right: auto;"><p style="text-align: center;">Lowest Monthly Savings Balance Average x 3.05% = (Lowest monthly savings balance from January – December 2019 / No. of Months) x 3.05%</p></div>
5.	Who is eligible to receive distribution of profits?	All depositors who maintain an active savings account as of December 31, 2019.
6.	Who is not eligible to receive distribution of profits?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Depositor with inactive account in the current year due to dormant status;</li><li>• Depositor with closed account in the current year; and</li><li>• Depositor with an account opened in December (not a full month).</li></ul> <p>Depositor accounts that have not had any transactions for more than 7 years will be classified as Inactive Accounts, in accordance with the Rules and the Hajj Act (1995).</p>

## FAQ - TH 2019 PROFIT DISTRIBUTION

---

NO.	QUESTION	ANSWER
		<p>The terms and conditions under the Wakalah contract (Wakalah Agreements) stipulate that the account is closed after all savings are removed from the account and depositors are only entitled to the amount credited to the account at the time the account is closed.</p>
7.	How is the profit distribution paid to the depositors?	<p>The profit distribution will be credited directly into the active depositor account.</p> <p>For saving accounts that are closed in 2020 (before March 16, 2020), depositors or their heirs will need to visit any nearby <b>TH</b> branch offices.</p>
8.	When can the 2019 profit distribution be checked by depositors?	<p>Distribution of Profit may be checked beginning March 16, 2020.</p> <p>The latest savings balance can be checked at:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>TH</b> branch counters, Bank Islam and Bank Rakyat</li><li>• <a href="http://www.thijari.com.my">www.thijari.com.my</a> website</li><li>• internet portals of <b>TH</b>'s strategic partner banks, namely Bank Islam, Bank Rakyat and Maybank</li><li>• ATMs of <b>TH</b>'s strategic partner banks, namely Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank and CIMB.</li></ul>

**FAQ - TH 2019 PROFIT DISTRIBUTION**

---

<b>NO.</b>	<b>QUESTION</b>	<b>ANSWER</b>
<b>9.</b>	How can depositors make saving withdrawals from <b>TH</b> ?	Depositors can withdraw their <b>TH</b> savings at <b>TH</b> branch counters, Bank Islam and Bank Rakyat Malaysia. Non-cash withdrawals exceeding RM10,000 can only be made at <b>TH</b> Headquarters and at <b>TH</b> branches via telegraphic transfer.
<b>10.</b>	What is the difference between Hibah declared in previous years and profit distribution declared in 2019?	<p>Hibah is an unconditional gift, while profit distribution refers to the distribution of part or the whole sum of the profits that can be distributed to the fund owner.</p> <p>The savings in <b>TH</b> are now under the Wakalah savings contract, replacing the previously used <i>Wadiah Yad Dhamanah</i> savings contract. Under this new contract, <b>TH</b> is the representative to manage the depositors' fund for the purpose of investment and pilgrimage management activities whereby the profits from the depositor's savings investment will be distributed to the depositors after taking into account the pilgrimage, zakat and management costs.</p> <p>However, under the previous <i>Wadiah Yad Dhamanah</i> savings contract, <b>TH</b> as trustee has no obligation but may at its discretion grant the Hibah (gifts) to its depositors.</p>
<b>11.</b>	Is the Hajj Hibah given for 2019 same to the year before 2018?	No. In accordance with the requirements of equality under the Wakalah contract, the distribution of profit is given to all depositors regardless of whether they have performed the pilgrimage or not. Therefore no special Hajj Hibah is given.

**FAQ - TH 2019 PROFIT DISTRIBUTION**

---

NO.	QUESTION	ANSWER
<b>12.</b>	What is the advantage for depositors when they make savings in <b>TH</b> besides saving towards pilgrimage (especially for pilgrims who have performed the pilgrimage) compared to other funds / institutions?	<p><b>TH</b> distribution of profits is defined as an excess of investment profit taking into account the expenses and assistance of pilgrimage costs, zakat payments and management costs. As such, <b>TH</b> depositors not only benefit from the return on their savings, but also contribute to helping Malaysian pilgrims perform the fifth pillars of Islam and the welfare of the <i>asnaf</i>.</p> <p>In addition:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• The deposit is 100% guaranteed by the Government of Malaysia.</li> <li>• Savings and investments are Shariah-compliant.</li> <li>• Distribution of profits are exempted from tax.</li> </ul>
<b>13.</b>	Why is the profit distribution in 2019 higher than the 2018 Hibah?	<p>This improved profit distribution is supported by improved financial performance and positioning and is driven by sustainable investment strategies and prudent cost management measures.</p> <p>For the financial year 2019, <b>TH</b> managed to generate investment revenue of RM3.3 billion. Overall, <b>TH</b>-generated investment income was more stable with fixed income investment generating 58% or RM1.9 billion while real estate, equity and money market instruments contributed RM0.5 billion (15%), RM0.5 billion (15%) and RM0.4 billion (12%) respectively. With prudent cost management, <b>TH</b> has managed to register a profit after zakat for the 2019 financial year amounting to RM1.9 billion, an increase of 19% or RM0.3 billion compared to RM1.6 billion for the previous financial year.</p>

**FAQ - TH 2019 PROFIT DISTRIBUTION**

---

<b>NO.</b>	<b>QUESTION</b>	<b>ANSWER</b>
		<p>In addition, <b>THs</b> stronger financial position with total assets exceeding RM2.9 billion from total liabilities (prior to the distribution of profits to depositors) will enable higher profit distribution for the financial year 2019.</p>
<b>14.</b>	How does <b>THs</b> 2019 profit distribution rate compare to other funds / institutions?	<p>Investment strategies, risk levels and liquidity levels will affect the rate of return on funds managed by investment institutions. Investment institutions with different visions and missions will have different investment strategies, levels of risk and liquidity.</p> <p>An account opened by a depositor in <b>THs</b> is a savings account and has similar savings account features offered by other Islamic banking institutions, such as unlimited frequency and amount for savings or withdrawal transactions. Depositors are not subject to restrictions, charges or subject to fluctuations in unit prices when making savings or withdrawals. The type of investment and the level of risk involved also vary.</p> <p>Therefore, it is reasonable to compare <b>THs</b> profit distribution to the rate offered by other Islamic banking deposits. Sources from Bank Negara Malaysia statistics show that <b>THs</b> 3.05% year-on-year dividend yield is between the average 12-month Islamic Banking Deposit rate at 0.74% per annum and the 12-month Islamic Banking Investment Account at 3.65% a year before zakat. In addition, Islamic Bank deposits are also secured by the Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) with a maximum protection of RM250,000 per depositor at each member bank.</p>

---

## FAQ - TH 2019 PROFIT DISTRIBUTION

---

<b>NO.</b>	<b>QUESTION</b>	<b>ANSWER</b>
<b>15.</b>	Will the profit distribution rate change according to <b>TH</b> profit in the coming years?	Distribution of profits to depositors is based on <b>TH</b> 's current year financial performance and ability and is subject to compliance to the Tabung Haji Act 1995.